



**KENYATAAN MEDIA**  
**MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR**

**MESYUARAT PERTAMA MAJLIS TINDAKAN PERUBAHAN IKLIM MALAYSIA**  
**[INAUGURAL MEETING OF THE MALAYSIAN CLIMATE CHANGE ACTION**  
**COUNCIL (MyCAC)]**

---

1. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia telah mempengerusikan Mesyuarat Pertama Majlis Tindakan Perubahan Iklim atau MyCAC hari ini. Mesyuarat telah dihadiri oleh Menteri-menteri Persekutuan, Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri.
2. MyCAC merupakan komitmen dan platform tertinggi untuk menetapkan hala tuju, membincangkan dasar dan tindakan perubahan iklim, memacu pertumbuhan ekonomi hijau, memangkin teknologi hijau dan pertumbuhan rendah karbon di semua peringkat khususnya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
3. YAB Perdana Menteri telah menggariskan enam (6) pendekatan utama yang akan dilaksanakan oleh kerajaan terhadap isu perubahan iklim, iaitu:
  - a. Pengukuhan tadbir urus perubahan iklim negara melalui penglibatan semua pemegang taruh;
  - b. Pelaksanaan pelbagai program untuk memacu agenda perubahan iklim dengan memobilisasi sumber tenaga kerja dan peruntukan kewangan.
  - c. Pelaksanaan perdagangan karbon secara teliti supaya aktiviti perdagangan karbon tidak menjejaskan komitmen pengurangan pelepasan gas rumah kaca (*Greenhouse Gas* - GHG) negara;
  - d. Kerjasama semua pemegang taruh kepada Kementerian Alam Sekitar dan Air untuk memenuhi komitmen pelaporan negara di bawah Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC);

- e. Pembangunan agenda *green recovery plan* seperti *green new deal* agar Malaysia menjadi hab dalam bidang ekonomi, perkhidmatan dan teknologi hijau.
  - f. Pemupukan gaya hidup hijau di semua lapisan masyarakat melalui konsep *planetary health* ke arah pembangunan mampan yang holistik.
4. Sehubungan itu, MyCAC telah bersetuju, untuk:
- a. Mengadakan mesyuarat dua kali setahun bagi membincangkan isu perubahan iklim dan agenda pembangunan hijau;
  - b. KASA memainkan peranan penting untuk memacu agenda perubahan iklim negara dan teknologi hijau termasuk mengukuhkan kerangka dasar, undang-undang, institusi dan kewangan;
  - c. Melaksanakan Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon 2021-2030 yang dijangka mengurangkan pelepasan GHG sebanyak 165 juta tan CO<sub>2</sub>, menjimatkan perbelanjaan bahan api sebanyak RM150 billion dalam tempoh 10 tahun, memacu anjakan ke arah peningkatan penggunaan kenderaan elektrik dan pengangkutan rendah karbon.
  - d. Melaksanakan Pelan Induk Bandar Rendah Karbon Negara sebagai asas panduan dan hala tuju Bandar Rendah Karbon di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri.
  - e. Membangunkan garis panduan pasaran karbon dan dasar *carbon pricing* bagi menyokong hasrat mana-mana pihak yang akan terlibat dalam pasaran karbon.
5. YAB Perdana Menteri telah menegaskan keperluan kerjasama semua pemegang taruh dengan pendekatan *whole of nation approach* untuk menangani cabaran perubahan iklim.

- Tamat -

**YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man**  
Menteri Alam Sekitar dan Air  
13 April 2021